

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 2 OGOS 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 5

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) adakah SPAD masih menjalankan kerja-kerja seperti dahulu walaupun pengumuman dibuat, SPAD dimansuhkan ; dan
- (b) bila Akta yang menubuhkan SPAD akan dimansuhkan dan berapa pegawai dan kakitangan SPAD yang terlibat bila SPAD dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, SPAD masih menjalankan kerja-kerja seperti sedia ada sehingga proses pembubaran SPAD selesai. Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Pembubaran) 2018 iaitu merujuk kepada pembubaran SPAD dijangka akan dibentangkan dalam sesi parlimen kali ini. Lebih kurang 1000 kakitangan sedia ada SPAD akan terlibat dalam pembubaran ini dan pelaksanaan penyerapan kakitangan ini ke Kementerian Pengangkutan masih dalam pelaksanaan.